

22 JAN 2002  
TIE-USAHAWAN/I  
TIE BUKA CAWANGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 22 Jan (Bernama) -- The IndUS Entrepreneurs (TIE), sebuah rangkaian usahawan dan profesional global bukan mencari untung yang ditubuhkan di Silicon Valley, membuka cawangannya di Malaysia hari ini bagi menggalakkan usahawan Malaysia secara besar-besaran.

Pengasas dan pengerusi Lembaga Amanah TIE, Kanwal Rekhi, berkata organisasi itu yang dibentuk pada 1992, kini mempunyai 30 cawangan termasuk yang terbaru, Singapura, dan lebih 10,000 anggota.

Mengenai TIE, beliau berkata organisasi itu pertama kali ditubuhkan oleh usahawan di Silicon Valley bagi membantu mereka yang berasal dari Lembah Indus (India, Bangladesh dan Pakistan) untuk membangunkan kemahiran keusahawanan mereka.

Beliau berkata kira-kira satu pertiga usahawan di Silicon Valley berketurunan Indus dan berikutan kejayaan mewujudkan keusahawanan itu di sana, TIE mahu menggalakkan lebih ramai lagi dari rantau ini.

"Saya telah melihat orang China, juga Filipina di sana (Silicon Valley) tetapi tiada orang Malaysia atau Thai atau Indonesia," katanya kepada pemberita selepas bersama delegasi TIE mengadakan kunjungan hormat terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini hari ini.

Kanwal berkata Malaysia akan mendapat banyak faedah dengan menghantar rakyatnya untuk berlatih dengan syarikat-syarikat di sana untuk mendapat pengalaman secara terus.

Beliau berkata aktiviti TIE termasuk forum terbuka dan menghimpunkan usahawan untuk mendidik, menggalakkan yang lain untuk menjadi usahawan serta menyediakan akses kepada rangkaian kepada usahawan sedia ada. --  
BERNAMA

SHO SD NHD